

# Mahathir antara pemidato utama di Sidang Komanwel

UM 11 OCT 1985

KUALA LUMPUR 10 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad merupakan salah seorang dari empat ketua kerajaan Komanwel yang dipilih untuk menyampaikan ucapan utama di Sidang Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Nassau, Bahamas pada 16 Oktober ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Razali Ismail memberitahu, pemilihan Perdana Menteri itu menunjukkan bahawa Komanwel memberi kepentingan kepada Malaysia dan mahu negara ini menggerakkan pertubuhan itu ke arah penyelesaian berbagai isu.

Bagaimanapun, beliau menegaskan kepada para pemberita di Wisma Putra hari ini bahawa, kehadiran Datuk Sri Dr. Mahathir di sidang itu tidak mengubah pandangan Malaysia terhadap Komanwel yang masih diletakkan pada keutamaan paling rendah berbanding dengan ASEAN, Pertubuhan Persidangan Negara - Negara Islam (IOC) dan Pergerakan Negara - Negara Berkecuali (NAM).

Lain - lain negara yang ketua kerajaannya dipilih untuk menyampaikan ucapan utamanya dalam Sidang Komanwel itu ialah

Zambia, Australia dan Kanada.

Sidang kemuncak yang akan dihadiri oleh ketua - ketua negara atau kerajaan dari 47 buah negara Komanwel itu bermula pada 15 hingga 19 Oktober ini.

Datuk Razali berkata, Perdana Menteri sudah dikenali di kalangan negara - negara Komanwel sebagai pemimpin yang rasional, pragmatik dan aktif yang mahu menyelesaikan masalah dunia.

Menurut beliau, kerjasama rapat Malaysia dengan Komanwel bukan kerana atas dasar sentimental tetapi adalah disebabkan pengiktirafan ke atas sumbangan Komanwel terhadap pembangunan negara ini pada zaman Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak di samping negara - negara lain yang baru merdeka.

Di antara perkara - perkara yang akan dibincangkan dalam Sidang Ketua Kerajaan Komanwel itu ialah:-

- Harapan dan aliran masa depan dunia.
- Afrika Selatan dan Namibia.
- Peranan negara - negara kecil.
- Isu ekonomi dunia.
- Kerjasama berfungsi antara negara - negara Ko-

manwel.

• Pertukaran pelajaran. Datuk Razali memberitahu, Datuk Sri Dr. Mahathir juga akan mengemukakan perbincangan dalam sidang itu serta dijangka memberi tekanan tegas tetapi secara bersahabat kepada negara - negara Komanwel bagi menyelesaikan masalah Afrika Selatan.

Menurut beliau, Wisma Putra telah mengkaji secara teliti segala aspek dasar apartheid yang diamalkan Afrika Selatan dan Malaysia akan mengutarakan cadangan - cadangan pragmatik ke arah penghapusan dasar itu dalam sesuatu masa yang ditetapkan.

Katanya, skatan ekonomi dan penarikan pelaburan merupakan cara yang berkesan untuk

menghapuskan amalan apartheid di Afrika Selatan tetapi ia harus dilaksanakan dengan hati - hati kerana ia lebih menjejaskan orang - orang kulit hitam daripada golongan lain di Afrika Selatan.

Menurut Datuk Razali, penarikan pelaburan dari Afrika Selatan oleh negara - negara berkepentingan di Komanwel tidak perlu dilakukan sekaligus sekiranya ia boleh menjayakan kepentingan negara - negara itu sendiri.

Katanya, langkah awal adalah dengan menarik balik atau membatalkan rancangan - rancangan pelaburan dari negara - negara Komanwel yang baru hendak dilaksanakan di Afrika Selatan dan dipindahkan ke negara - negara lain.